

Surat khabar: Utusan Malaysia (Gerbang Akademik)  
Hari/Tarikh: 19/3/2016  
Muka surat: 9

Tajuk : FEP Unimas anjur Persidangan Pemasaran dan Pengurusan Asia Pasifik

19 MAC 2016  
UTUSAN MALAYSIA

**KademiK**  
PILIHAN MASA DEPAN ANDA

09



## FEP Unimas anjur Persidangan Pemasaran dan Pengurusan Asia Pasifik

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (Unimas) telah menjadi tuan rumah bagi Persidangan Pemasaran dan Pengurusan Asia Pasifik (APMMC) yang ke-6 dari 16 hingga 18 Mac tahun ini.

Persidangan APMMC yang bertemakan *The Dynamism of Sustainable and Responsible Marketing and Management in Asia Pacific Region* adalah anjuran Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP).

Penganjuran APMMC yang diadakan sehari dua tahun ini adalah kesinambungan tradisi mempromosikan ekonomi dan perniagaan antara disiplin penyelidikan.

Persidangan ini dikenali sebagai Persidangan Pemasaran Asia-Pasifik, yang mana pertama kali dianjurkan di Unimas pada tahun 2005, kemudian telah ditukar nama kepada APMMC pada tahun 2011.

APMMC pada kali ini akan menjadi platform kepada ahli akademik, penyelidik, pengamal industri, pembuat dasar untuk berinteraksi dan bertukar pandangan dan hasil penyelidikan mengenai isu-isu semasa dalam bidang perniagaan dan ekonomi.

Sejak beberapa tahun lepas, APMMC ditiktiraf sebagai persidangan antara-bangsa Unimas terkemuka khusus untuk penyelidikan dalam bidang pemasaran, pengurusan, perniagaan dan ekonomi.

Persidangan APMMC yang diadakan di Pusat Islam Tun Salahuddin (PITAS) di Unimas, telah dirasmikan oleh Naib Canselor Unimas, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi.

Pada tahun ini, APMMC telah dipengerusikan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Dr. Mahani Mohamad Abdu Shakur, manakala Dekan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Prof. Madya Dr. Rohaya Mohd. Nor sebagai penasihat persidangan.

Prosiding persidangan menghimpunkan koleksi lebih daripada 50 sumbangan penyelidikan daripada pelbagai disiplin perniagaan, pemasaran, ekonomi dan kewangan.

Terdapat empat sesi yang berjalan serentak mengikut tema yang berkaitan iaitu strategi dan prestasi; jenama dan imej; demografi, budaya dan teknologi; kajian Islamik pemasaran dan perniagaan; kajian berasaskan personaliti; kajian berasaskan kualiti, ekonomi dan kewangan.

Kertas kerja terbaik yang terpilih semasa persidangan kemudiannya akan dijemput untuk mengemukakan hasil kerja mereka bagi tujuan penerbitan yang bakal di muatkan di dalam Jurnal International Journal of Business and Society (IJBS) yang diindeks oleh SCOPUS.

